

Terma dan Syarat**Kempen Ganjaran Pembukaan Akaun CIMB@Work Simpanan-i dan Semasa-i Baharu untuk Syarikat Sektor Awam, Kerajaan dan Pemilikan Bumiputera****Tempoh Kempen**

1. “Kempen Ganjaran Pembukaan Akaun CIMB@Work Simpanan-i dan Semasa-i Baharu untuk Syarikat Sektor Awam, Kerajaan dan Milikan Bumiputera” (“Kempen”) akan berlangsung dari 1 November 2022 hingga 31 Mac 2023, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”). CIMB Islamic Bank Berhad (20041032872 (617380-H)) hendaklah selepas ini dirujuk sebagai “Bank”.

Kelayakan

2. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan Bank baharu atau sedia ada (“Pelanggan”) mesti merupakan Pelanggan CIMB@Work dengan memenuhi syarat-syarat di bawah:-
 - a) Merupakan Pelanggan Sektor Awam, Kerajaan dan Pemilikan Bumiputera sedia ada Bank yang membuka mana-mana Akaun Semasa Perniagaan Konvensional/Islam yang selepas ini dirujuk sebagai “BCA” dan “BCA-i” masing-masing sebagai Akaun Bayaran Gaji semasa Tempoh Kempen; atau
 - b) Merupakan Pelanggan Sektor Awam, Kerajaan dan Pemilikan Bumiputera baharu Bank yang membuka mana-mana Akaun Semasa Perniagaan Islam yang selepas ini dirujuk sebagai “BCA-i” masing-masing sebagai Akaun Bayaran Gaji semasa Tempoh Kempen; atau
 - c) Merupakan Pelanggan Sektor Awam, Kerajaan dan Pemilikan Bumiputera sedia ada menukar BCA/BCA-i sedia ada kepada Akaun Bayaran Gaji; dan
 - d) Melanggan pakej CIMB@Work dengan memproses pembayaran gaji ke Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Islam pekerja, selepas ini dirujuk sebagai “CASA-i” (melainkan Akaun Semasa Mata Wang Asing/Akaun Semasa Mata Wang Asing-i) melalui transaksi Bayaran Gaji Pukul BizChannel@CIMB; dan
 - e) Memenuhi mana-mana kriteria kelayakan lain yang ditentukan berdasarkan budi bicara Bank sebelum penerimaan syarikat sebagai “Pelanggan CIMB@Work”. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan Bank baharu atau sedia ada dianggap telah diterima oleh Bank sebagai “Pelanggan CIMB@Work” apabila mereka menandatangani Surat Tawaran CIMB@Work dari Bank dan masih belum melakukan apa-apa transaksi gaji di bawah akaun bayaran gaji sebelum Kempen.

Syarat-syarat dari (a) hingga (e) selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “Kriteria Penyertaan” dan Pelanggan Bank baharu atau sedia ada yang memenuhi Kriteria Penyertaan dirujuk sebagai “Peserta Yang Layak”.

3. Entiti berikut TIDAK akan layak untuk menyertai Kempen ini:-
 - a) Pelanggan Pemilikan Tunggal/Perkongsian/Perbankan Perusahaan/Perbankan Komersial bukan Bumiputera; dan/atau
 - b) Syarikat korporat bukan Bumiputera.

Kriteria Kelayakan dan Ganjaran Kempen

3. Peserta Layak hendaklah layak kepada ganjaran baucar beli-belah sehingga RM3,000 dalam tempoh dua belas (12) minggu dari tarikh tamat Kempen ("**Ganjaran**"), setelah memenuhi semua syarat seperti yang dinyatakan dalam Klausa (4) di sini:-
- Pekerja Peserta Yang Layak mesti membuka akaun CASA-i pertama dengan CIMB Islamic untuk tujuan pengkreditan gaji dalam Tempoh Kempen; dan
 - Pekerja Peserta Yang Layak hendaklah tidak mempunyai mana-mana CASA-i dengan CIMB Islamic sebelum Tempoh Kempen; dan
 - Peserta Yang Layak akan diberi ganjaran berdasarkan bilangan CASA-i baharu yang dibuka oleh pekerja Peserta Yang Layak untuk tujuan pengkreditan gaji berdasarkan kriteria berikut:

Mekanik	Ganjaran
Pekerja Peserta Yang Layak hendaklah membuka CASA-i dalam Tempoh Kempen untuk tujuan pengkreditan gaji	Baucar Beli-Belah RM5 untuk setiap CASA-i yang dibuka

- Ganjaran yang diperuntukkan oleh Bank untuk Kempen dihadkan pada Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) sahaja (dalam bentuk baucar beli – belah) sepanjang Tempoh Kempen, pada dasar tiba dahulu layan dahulu ("*first-come, first-served*").
- Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini, Ganjaran akan diberikan kepada individu yang dilantik oleh kelab sukan Peserta Yang Layak dalam tempoh dua belas (12) minggu dari Tempoh Kempen berakhir.
- Pada masa Bank memberikan Ganjaran kepada Peserta Yang Layak, akaun bayaran gaji Peserta Yang Layak dan/atau akaun CASA-i pekerja Peserta Yang Layak mesti tidak berdelinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan, jika tidak Peserta Yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan tidak akan layak untuk menerima Ganjaran di bawah Kempen ini.
- Ganjaran untuk Peserta Yang Layak dari Semenanjung Malaysia adalah baucar beli-belah dari Lotus's dan bagi Peserta Yang Layak dari Sabah/Sarawak adalah baucar beli-belah dari Parkson.
- Bank mempunyai hak mutlak untuk menentukan pemilihan baucar beli-belah dan tidak akan melayan sebarang permintaan daripada mana-mana Peserta Yang Layak atau mana-mana orang lain untuk memindahkan atau menukar Ganjaran kepada tunai atau baucar lain yang mempunyai kos yang setara.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

10. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:
- (a) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - (b) memberi kuasa kepada CIMB Islamic Bank untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimbbank.com.my dan melanjutkan kepada syarikat Takaful dan badan waqf bagi tujuan pemenuhan.
 - (c) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh Bank berhubung dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Ganjaran yang diberikan dan penentuan Peserta Yang Layak, hendaklah muktamad, terikat dan konklusif; dan
 - (d) bersetuju bahawa CIMB Islamic Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta yang Layak jika CIMB Islamic Bank tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajibannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang akibat secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - (ii) kerosakan elektrik;
 - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - (iv) apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB Islamic Bank; atau
 - (v) apa-apa faktor dalam sifat "*force majeure*" yang berada di luar kawalan munasabah CIMB Islamic Bank.
11. Peserta Yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen dan/atau Ganjaran akan dilucuthakkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pemberian Ganjaran:
- (a) Peserta Layak memungkirinya terma-terma dan syara-syarat yang mengawal BCA/BCA-i, CASA/CASA-i dan/atau transaksi BizChannel@CIMB berdaftar;
 - (b) BCA/BCA-i, CASA/CASA-i dan/atau transaksi BizChannel@CIMB berdaftar ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; atau
 - (c) BCA/BCA-i, CASA/CASA-i dan/atau transaksi BizChannel@CIMB berdaftar adalah berdelinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta Yang Layak atau Bank.
12. CIMB Islamic Bank hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Yang Layak yang ia tentukan telah:
- (a) mengganggu dengan proses penyertaan/pengambilan bahagian/permohonan; dan/atau
 - (b) bertindak memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
13. CIMB Islamic Bank hendaklah mempunyai hak untuk:
- (a) menggantikan Ganjaran dengan item lain yang mempunyai kos setara; dan/atau

- (b) melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Yang Layak melalui:
- (i) pengumuman di laman web Bank; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan Bank; dan/atau
 - (iii) notis di kaunter Pertukaran Mata Wang Bank; dan/atau
 - (iv) dengan sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh Bank.

Bagi mengelakkan keraguan, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak bagi apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada mana-mana penggantian Ganjaran dan/atau apa-apa pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen ini.

14. CIMB Islamic Bank tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Yang Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) melainkan kerugian atau ganti rugi sedemikian timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.
15. CIMB Islamic Bank hendaklah mempunyai hak untuk mengubah suai, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("Pindaan") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui:
- (a) pengumuman di laman web Bank; dan/atau
 - (b) notis di cawangan Bank; dan/atau
 - (c) notis di kaunter Pertukaran Mata Wang Bank; dan/atau
 - (d) iklan di satu akhbar pilihan Bank; dan/atau
 - (e) dengan sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh Bank.
16. CIMB Islamic Bank berhak melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Yang Layak jika didapati:
- (a) mengubahsuai proses aplikasi; dan/atau
 - (b) bertindak melanggar Terma dan Syarat ini
17. Pindaan hendaklah dianggap mengikat Peserta Yang Layak dari tarikh yang ditetapkan oleh CIMB Islamic Bank dalam pemberitahuan.
18. Peserta Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web Bank pada selang masa yang tetap untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Kempen ini dan memastikan mereka sentiasa mengikuti apa-apa pengubahsuaian Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
19. CIMB Islamic Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak bagi sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak akibat secara langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.

20. Peserta Yang Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan Bank ditanggung rugi terhadap apa-apa fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada:
- (a) penyertaan Peserta Layak dalam Kempen; dan/atau
 - (b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Ganjaran Peserta Layak.
21. Terma dan Syarat ini:
- (a) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
 - (b) dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa BCA/BCA-i, CASA/CASA-i dan/atau transaksi BizChannel@CIMB berdaftar yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
22. CIMB Islamic Bank tidak akan bertanggungjawab atas permohonan BCA/BCA-i, CASA/CASA-i dan/atau transaksi BizChannel@CIMB berdaftar atau surat-menyurat yang berkaitan yang lewat, hilang, tidak lengkap, diserahkan secara tidak betul, ditangguhkan, tidak dapat dibaca, rosak atau salah arah sama ada disebabkan oleh kesilapan, peninggalan, perubahan, gangguan, pemadaman, pencurian, kemusnahan atau sebaliknya melainkan yang sama disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.
23. Jika produk/perkhidmatan berkaitan dengan Kempen ini yang anda telah langgan ditawarkan oleh CIMB Bank, sebarang soalan anda akan diuruskan oleh CIMB Bank. Begitu juga, jika produk/perkhidmatan ditawarkan oleh CIMB Islamic Bank, kebimbangan anda akan ditangani oleh CIMB Islamic Bank.
24. Peserta Yang Layak bertanggungjawab secara tunggal untuk memastikan nombor telefon dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat beliau (“Butir-Butir Perhubungan”) yang diberikan kepada Bank adalah terkini dan dikemas kini.
25. CIMB Islamic Bank hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan Ganjaran sekiranya Butir-Butir Perhubungan Peserta Yang Layak yang dikekalkan dalam rekod Bank tidak sah dan/atau tidak dikemas kini.
26. CIMB Islamic Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak atas sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang timbul daripadanya) dan ganti rugi yang dialami atau ditanggung sekiranya Butir-Butir Perhubungan yang dikekalkan dalam rekod Bank bukan terkini atau betul.
27. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada mana-mana undang-undang, peraturan dan garis panduan, arahan, notis semasa yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas Bank dari semasa ke semasa.



28. Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB (“CRU”) untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon, dan e-mel:

Alamat : Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur
No. Telefon : 603 6204 7788
E-mel : cru@cimb.com

Bank boleh mengubah butir-butir perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak melalui pengumuman di laman web Bank atau dengan sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.